

Sinar Harian 21/12/2019 n/s 81

# Cubaan bawa benih kerang gagal



**Benih kerang dianggarkan 10kg disyaki tanpa permit sah ditemukan dalam sebuah bot pagi semalam.**



**Sebuah bot membawa muatan benih kerang tanpa permit ditahan APMM Perak pagi semalam.**

**LUMUT** - Agensi Pengukuasaan Maritim Malaysia (APMM) Perak berjaya mematahkan cubaan membawa benih kerang tanpa permit di muara Teluk Tiga, Hutan Melintang semalam.

Kejadian disedari bot ronda APMM selepas terlihat sebuah bot fiber dalam keadaan mencurigakan di sekitar kawasan itu pada jam 5.15 pagi.

Pengarah Maritim Perak, Kapten Maritim Shahrizan Raman berkata,

sebaik dihampiri, awak-awak bot itu secara tiba-tiba bertindak terjun ke dalam laut dan berenang ke kawasan paya bakau bagi mengelak daripada diberkas.

"Awak-awak terbabit berjaya meloloskan diri, namun kita berjaya menahan bot digunakan."

"Pemeriksaan kemudiannya menemukan 10 kilogram (kg) benih kerang disyaki tanpa permit sah dianggarkan bernilai lebih kurang RM300," katanya.

dalam satu kenyataan di sini semalam.

Menurutnya, bot fiber serta enjin telah dirampas untuk tindakan lanjut di bawah Akta Perikanan 1985 Peraturan-Peraturan Perikanan (Pemuliharaan Dan Kultur Laut) 2002.

"APMM tidak berkompromi dengan mana-mana individu yang menyalahi undang-undang. Operasi berterusan akan dijalankan bagi menangani sebarang salah laku di laut," katanya.